

Kemahiran



Bertulis

A

Sistem Bahasa

Kata Hubung



Nota SMART

1. Kata hubung berfungsi untuk menghubungkan perkataan dengan perkataan, frasa dengan frasa, dan ayat dengan ayat untuk membentuk ayat berlapis atau ayat majmuk.
2. Kata hubung terbahagi kepada:
 - (a) **Kata hubung gabungan**
 - Menghubungkan dua atau lebih ayat yang sama tara sifatnya.
 - Contohnya, *dan, atau, tetapi, lalu, sambil, seraya, kemudian, malahan, tetapi, serta, kecuali, mahupun, dan* sebagainya.
 - (b) **Kata hubung pancangan**
 - Menggabungkan ayat kecil pada ayat besar yang tidak setara sifatnya.
 - Contohnya, *kerana, supaya, jika, kalau, semasa, yang, bahawa, apabila, manakala, sementara, walaupun, hingga, setelah, sebelum, dan* sebagainya.
 - (c) **Kata hubung berpasangan**
 - Digunakan secara berpasang-pasang dalam ayat majmuk gabungan.
 - Contohnya, *baik ... mahupun, daripada ... lebih baik, jangankan ... pun, walaupun ... tetapi, sedangkan ... inikan pula, sama ada ... atau, dan* sebagainya.

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Para pengunjung dapat melihat banyak ikan kelah _____ menyeberangi sungai-sungai di Air Terjun Sungai Chiling.
 - A seraya
 - B sambil
 - C semasa
 - D sekiranya
2. Dayana sangat teruja _____ melihat keunikan kelip-kelip di Kampung Kuantan.

A untuk	C jikalau
B kerana	D sejak
3. Hotel tempat kami menginap sangat cantik _____ terletak di persisiran pantai.
 - A dan
 - B jika
 - C kerana
 - D malahan
4. Kami berbasikal _____ menghirup udara segar dan menikmati pemandangan yang indah di Taman Botani Negara Shah Alam.
 - A dan
 - B lalu
 - C sambil
 - D sementara

Soalan 5 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

5. Apabila bercuti di Pulau Redang, saya

A
B
C

 dan abang telah dibawa untuk melihat
 keindahan batu karang. Tiada kesalahan.

D
6. Ahli Persatuan Sejarah mungkin akan ke
 Kedah lalu ke Melaka untuk program

A
B

 lawatan sambil belajar. Tiada kesalahan.

C
D

7. Pelancongan kesihatan ialah aktiviti individu
 atau pesakit yang melancong untuk

A
B
C

 mendapatkan rawatan atau perkhidmatan
 kesihatan. Tiada kesalahan.

D
8. Sarah berharap agar ibu bapanya

A

 membenarkannya untuk bercuti di Kelantan
 bersama-sama Ainina atau Melissa.

B
C

 Tiada kesalahan.

D

Praktis PT3 Bahagian B

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi satu ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

1. Mariana akan melancong ke Sabah pada cuti persekolahan nanti.
 Mastura akan melancong ke Sabah pada cuti persekolahan nanti.

2. Kamu menaiki feri ke Pulau Langkawi?
 Kamu menaiki kapal terbang ke Pulau Langkawi?

3. Amira terpegun.
 Amira melihat keindahan Pulau Sipadan.

4. Encik Kamal dan keluarganya menginap di sebuah chalet.
 Chalet itu terletak di tepi pantai.

5. Darren terpaksa berenang.
 Sampan yang dinaikinya karam.
